

31/01/2002

Cukai perkhidmatan kategori C ditangguh

Abdul Halim Yusoff

KERAJAAN menangguhkan pengambilan cukai perkhidmatan lima peratus kepada semua kedai makan kategori C iaitu yang mempunyai pendapatan tahunan RM300,000 berkuat kuasa serta-merta.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy, berkata kerajaan mengambil langkah itu berikutan rayuan Persatuan Pemilik Kedai Kopi Malaysia bahawa kutipan cukai perkhidmatan itu menjejaskan perniagaan ahli.

"Dengan itu, tindakan kerajaan menangguhkan pengambilan cukai perkhidmatan sebanyak lima peratus itu dijangka mampu memberi manfaat kepada lebih 18,000 ahli persatuan berkenaan.

"Pengusaha kedai makan kategori berkenaan mendakwa pengenaan cukai perkhidmatan menjejaskan perniagaan mereka kerana premis mereka dikunjungi golongan berpendapatan rendah dan sederhana," katanya.

Chan berkata demikian kepada pemberita dalam sidang akhbar di majlis sumbangan tajaan RM70,000 untuk Persatuan Ping Pong Malaysia (TTAM) di Shah Alam, semalam. Chan ialah Presiden TTAM.

Mengikut Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975, kedai makan kategori C ialah restoran, bar, snek bar dan kedai kopi yang terletak di luar hotel. Turut termasuk ialah kedai makan atau kedai kopi yang beroperasi di medan selera.

Kerajaan mengumumkan pengambilan cukai perkhidmatan lima peratus untuk kedai makan kategori C dalam Belanjawan 2002 yang dibentangkan di Parlimen oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Oktober lalu.

Sebelum ini, hanya premis makanan dengan pendapatan tahunan lebih RM500,000 saja yang dikenakan cukai perkhidmatan lima peratus.

"Kerajaan mengambil keputusan menangguhkan pelaksanaan kutipan cukai perkhidmatan bagi kedai makan dalam kategori ini hingga satu keputusan diperolehi sesudah kajian mengenainya diperincikan," kata Chan.

Beliau berkata, kerajaan akan mempertimbangkan semula langkah pengambilan cukai perkhidmatan itu dengan mengambil kira pandangan mereka yang terbabit bagi memastikan kepentingan setiap pihak terpelihara.

Katanya, butiran lanjut mengenai pengumuman penangguhan pengambilan cukai perkhidmatan lima peratus terbabit akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dalam beberapa hari lagi.

(END)